

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(B)44

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN BAGAN JERMAL
YB CHEE YEEH KEEN**

44. Menubuhkan sebuah pusat inkubator reka bentuk IC adalah penting untuk memperkukuhkan ekosistem Pulau Pinang yang akan memberikan platform penting kepada *start ups* untuk meningkatkan usaha R&D mereka. Adakah Kerajaan Negeri merancang untuk menubuhkan pusat inkubator reka bentuk IC sedemikian dalam masa terdekat?

+

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

44. Kerajaan Negeri sedang dalam peringkat perbincangan untuk menyediakan ruang khusus bagi pusat inkubator reka bentuk litar bersepadu di Taman Reka Bentuk Litar Bersepadu dan Digital (*IC Design and Digital Park*) yang telah diumumkan oleh Ketua Menteri Pulau Pinang pada 4 Mei 2024.

Pada masa yang sama, Kerajaan Negeri melalui InvestPenang juga menjalinkan kerjasama dengan '*Collaborative Research in Engineering, Science and Technology*' (CREST), entiti peneraju industri yang dilancarkan bagi memenuhi keperluan sektor Elektrik

dan Elektronik (E&E) Malaysia dengan meningkatkan penyelidikan dan pembangunan, pengkomersialan serta pembangunan bakat.